

17/06/1998

Barisan sokong Perdana Menteri

CYBERJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau amat gembira dengan ikrar sokongan dan taat setia kepadanya sebagai Perdana Menteri oleh pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Saya pasti ia tidak bersifat peribadi. Ini kerana negara memerlukan seorang pemimpin dan mereka berikrar taat setia kepada pemimpin sekarang," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat bandar raya multimedia berteknologi tinggi di sini.

Dr Mahathir mengulas ikrar sokongan tidak berbelah bahagi kepada beliau yang diberikan oleh pemimpin parti komponen BN pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini Ahad lalu, dalam menangani kegawatan ekonomi negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini kelmarin, pemimpin parti komponen berikrar memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri dalam usahanya menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, ikrar sokongan itu dibuat ketika Malaysia dan Dr Mahathir menjadi sasaran laporan negatif media Barat.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat Dewan Tertinggi BN Ahad lalu bukan khusus untuk pemimpin komponen parti menyatakan ikrar dan sokongan mereka kepada beliau.

Sebaliknya mesyuarat itu bagi menjelaskan kepada pemimpin BN mengenai kedudukan ekonomi.

"Mereka perlu faham. Saya mengambil kesempatan itu untuk menjelaskan kepada mereka kerana mereka berada di sini (di Kuala Lumpur)," kata Perdana Menteri.

Pemimpin parti komponen BN berada di ibu negara pada hari itu untuk menghadiri pelancaran Dana Untuk Malaysia oleh Dr Mahathir. Tabung itu bagi mengutip derma untuk Dana Khas Negara.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Pentadbiran Laut sempena Tahun Laut 1998 hari ini, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata Dr Mahathir berpengalaman dan berjaya membawa negara keluar daripada kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980-an.

"Kami yakin beliau akan melakukannya sekali lagi. Kami sebulat suara mengambil keputusan memberi sokongan 100 peratus kepada Perdana Menteri dan pasukannya," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut membincangkan kedudukan ekonomi negara dan laporan media asing yang menghentam Malaysia dan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, sokongan padu parti komponen BN kepada Perdana Menteri adalah isyarat jelas kepada media asing bahawa keadaan politik Malaysia tidak terganggu dengan tindak-tanduk mereka.

Ia juga membuktikan `orang luar' tidak berhak campur tangan untuk menentukan kepemimpinan negara ini. Langkah paling penting sekarang ialah rakyat perlu mengukuhkan perpaduan, bersatu dan berusaha mewujudkan kestabilan politik negara.

"Kami sebulat suara menyokong tindakan menghadapi krisis seperti ini. Kami memutuskan media asing yang cuba memperkecil Malaysia dan Perdana Menteri serta menggugat kestabilan kita, tidak boleh bertindak sebagaimana mereka mahu. Kita perlu terus stabil dan bersatu padu.

"Apabila kita boleh lakukan ini, kita seolah-olah memberitahu media asing kita mengamalkan demokrasi dan kita memilih pemimpin kita sendiri dan kita tidak akan membenarkan majalah Time atau Newsweek menentukan siapa

patut menjadi pemimpin kita.

"Kita memberitahu kita berdiri teguh di belakang Dr Mahathir. Kita  
beritahu kepada semua media asing - jaga tepi kain sendiri - kami tahu apa  
yang kami buat.

(END)